

***Bahagian Kesihatan Awam Veterinar  
Dan Penguatkuasaan JPHPT***

Tel: 088-287400; Fax: 088-235297  
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/hwan>

**PUSAT PENYEMBELIHAN TERNAKAN BABI  
(Pig Abattoir)  
KIANSONG, KOTA KINABALU**



**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN  
DAN PERUSAHAAN TERNAK  
SABAH**

*“Pertanian Adalah Perniagaan”*

## 1. LATAR BELAKANG

Pusat ini yang berkonsepkan sistem tertutup, dibina mengikut spesifikasi & piawaian Australia. Terletak dalam kawasan 4 ekar di Kg. Kiansam, Inanam, Kota Kinabalu. Siap dibina pada tahun 2003 dan telah diwartakan sebagai Pusat Penyembelihan Ternakan Babi di bawah WKNS No. 495, pada 27 Julai 2004, dan mendapat pengiktirafan *Department of Business, Industry and Resource Development, Northern Territory Government, Australia* di bawah *Part 7 of Australian Standard for Hygienic Production of Meat and Meat Products for Human Consumption (SCARM 80)*.

## 2. OBJEKTIF

- 2.1. Untuk menyediakan kemudahan infrastruktur penyembelihan yang memenuhi piawaian antarabangsa.
- 2.2. Untuk membolehkan Negeri Sabah mengeluarkan hasil ternakan babi yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

## 3. OPERASI

Pusat ini mengamalkan konsep penswstaan dimana operasi harian dilaksanakan oleh pihak swasta di bawah selian yang ketat oleh JPHPT. Pemeriksaan 'Ante-mortem' dan pemeriksaan daging, dilaksanakan oleh JPHPT. JPHPT menggunakan 'Inspection legend' sebagai petunjuk karkas yang diluluskan untuk pasaran.

### 3.1. Penyembelihan Harian

Untuk membolehkan karkas berada pada suhu 10°C, selama sekurang-kurangnya 15 jam, masa penyembelihan harian ditetapkan mengikut jadual.

### 3.2. Sistem Penyimpanan Hasil

Pusat ini dilengkapi dengan Sistem Bilik Penyejuk (Chilling Room) bagi memastikan karkas berada pada suhu 10°C semasa meninggalkan Pusat ini.

### 3.3. Sistem Penerimaan & Pengeluaran

#### 3.3.1. Penerimaan Ternakan Hidup

Pusat ini dibuka untuk penerimaan babi hidup bermula pada jam 6.00 petang

setiap hari. Ini akan memberi cukup masa untuk proses pemerhatian dan pemeriksaan 'Ante-Mortem', di samping menggalakkan pengangkutan babi pada waktu malam.

#### 3.3.2. Pengeluaran Hasil

Karkas mula dikeluarkan dari Pusat ini pada jam 6.00 pagi setiap hari.

### 3.4. Sistem Pengendalian Sisa

#### 3.4.1. Bahan Sisa Pepejal

Sisa pepejal diangkut keluar sebagai sebahagian daripada kontrak operasi.

#### 3.4.2. Bahan Sisa Cecair

Semua bahan cecair dari Pusat ini dan bahan sisa dari kandang, disalurkan melalui sistem saliran tertutup ke dalam kolam rawatan. Sistem rawatan meliputi 6 buah kolam dimana kolam yang pertama menggunakan sistem tertutup dan kolam yang ke-6 menampung bahan sisa cecair yang jernih dari sistem ini. Pemantuan kualiti air dilakukan setiap minggu dan sampel dihantar untuk analisis makmal.